



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

PENCERAHAN KBAT

EDIT 18

MATA PELAJARAN SEJARAH SPM

*Membimbing Calon Mata Pelajaran Sejarah SPM
Menulis Jawapan KBAT Format Baru.*

**ABDULLAH BIN MAMAT
SMK SERI NILAM
KUALA TERENGGANU**

SEJARAH SPM

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

1. SOALAN KBAT TERBAHAGI KEPADA TIGA BAHAGIAN

A	KBAT MENGANALISIS FAKTA
-	Soalan fakta yang memerlukan murid menganalisis pemilihan fakta dalam buku teks
-	Pemilihan fakta yang tepat dalam buku teks berdasarkan fungsi kata tugas atau tugasan soalan .
	Contoh soalan
	Bagaimanakah usaha-usaha British untuk meluaskan tanaman getah di Tanah Melayu?
	Contoh jawapan
	<ul style="list-style-type: none"> -Berlaku Revolusi Perindustrian di Eropah -Permintaan tinggi terhadap getah -Tanah subur / iklim sesuai. -Peranan Henry N. Ridley. <ul style="list-style-type: none"> -Membawa masuk getah ke Tanah Melayu. -Meyakinkan peladang untuk menanam getah. -Mengadakan pameran. -Mengagihkan benih getah secara percuma. -Berjaya menemui cara penorehan getah yang moden. -Harga getah tinggi <ul style="list-style-type: none"> -kesannya perkembangan industri pembuatan -Dasar British. <ul style="list-style-type: none"> -Menggalakkan kemasukan pemodal asing. -Kadar sewa tanah yang rendah. -Membawa masuk pekerja asing dari selatan India. -Pembinaan infrastruktur. <ul style="list-style-type: none"> -Pembinaan jalan raya dan jalan kereta api. -Berlaku kejatuhan harga kopitiam.
	CATATAN: Fakta yang dipotong adalah fakta yang tidak menepati dengan kata tugas dan tugasan soalan.

B	KBAT SEPARUH TERBUKA (terbahagi dua bentuk)
-	Jawapan fakta dalam buku teks dan boleh juga menerima jawapan mana-mana munasabah (Fakta + jawapan mana-mana munasabah)
Contoh soalan	
	Pada pandangan, mengapakah <u>kota Makkah berjaya dibuka</u> dengan mudah? [SPM 2013]
	<u>Pilihan raya</u> di negara kita <u>dilaksanakan dengan adil</u> . Buktikan. [SPM 2014]
	Apakah <u>faktor mempengaruhi kegiatan ekonomi kerajaan agraria</u> . Berikan penjelasan anda. [SPM 2015]
	Mengapakah <u>tamadun awal berlaku di lembah sungai utama</u> ? [SPM 2016]
	<u>Penggabungan wilayah</u> tersebut merupakan <u>tindakan yang rasional</u> . Terangkan pernyataan tersebut [SPM 2017]
-	Jawapan fakta dalam buku teks dan fakta terlibat boleh dihurai dengan jawapan mana-mana munasabah.
Contoh soalan	
	<u>Bagaimakah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor</u> dapat mencapai <u>matlamatnya</u> ? [SPM 2016]
	<u>Kekuatan tentera</u> <u>Kewibawaan pemimpin</u> Sejauh manakah <u>faktor tersebut menentukan kejayaan</u> kerajaan Turki Uthmaniyah [SPM 2017]
	* <u>Undang-Undang Melaka (Hukum kanun Melaka)</u> * <u>Undang-Undang Laut Melaka</u> <u>Bagaimakah undang-undang di atas dapat mengukuhkan keunggulan</u> kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
Contoh jawapan	
	Caranya ialah menjelaskan bidang kuasa raja dan pembesar KESANNYA dapat menjalankan pentadbiran dengan berkesan DENGAN ITU segala masalah dapat diselesaikan dengan baik. Mengandungi hukuman terhadap kesalahan jenayah KESANNYA kejadian jenayah berkurangan DENGAN ITU mengukuhkan keamanan dalam negeri. Menjelaskan aturcara perniagaan KESANNYA melicinkan urusan perdagangan DENGAN ITU meningkatkan kemajuan ekonomi Melaka.

C	KBAT TERBUKA
-	Menerima jawapan mana-mana munasabah dan biasanya jawapan tiada dalam buku teks .
-	Berdasarkan tugasannya, jawapan samada lebih terbuka atau jawapan yang lebih spesifik .
-	Format soalan terkini lebih kepada jawapan spesifik
Contoh soalan KBAT TERBUKA	
Mengapakah kerajaan awal di Asia Tenggara <u>mampu membina Monumen yang hebat?</u> [SPM 2012]	
Malaysia <u>mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan.</u> Mengapakah <u>sistem tersebut sesuai</u> dilaksanakan di negara kita? Berikan penjelasan anda. [SPM 2014]	
<u>Ilmu pengetahuan</u> merupakan <u>asas kemajuan</u> sesuatu bangsa Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [SPM 2017]	

2. PERSIAPAN CALON UNTUK MENJAWAB SOALAN KBAT

- Penguasaan bahasa yang baik kerana bahasa **merentas kurikulum**.
- Mendapatkan **Ilmu** daripada **akhtar** dan **media sosial**
- Menguasai **isu-isu semasa**
- Pengalaman** yang dilalui
- Ilmu daripada **guru**
- Latihan** mengeluarkan isi jawapan /idea/ pendapat
- Membiasakan diri dengan **teknik menjawab** kbt
- Boleh dijawab secara **holistik (fakta +huraian-huraian)** atau dijawab secara **analitikal (fakta + fakta)** atau **bercampur analitikal dan holistik**
- Latih tubi** menjawab soalan
- Mengenali aspek-aspek** jawapan kbt
- Mahir menyenaraikan **kata kunci** sebelum menulis jawapan

3. SEMASA MENJAWAB SOALAN KBAT

a	Berani mengeluarkan apa sahaja idea yang logik / munasabah walaupun berasaskan idea itu tidak hebat .
b	Jawapan tidak semestinya dalam kontek sejarah kerana semua aspek jawapan adalah diterima termasuk berkaitan isu-isu semasa atau berita terkini .
c	Jangan anggap jawapan yang diberikan pasti salah .
d	Menyenaraikan kata kunci sebelum menulis jawapan

4. ISU CALON SPM BERKAITAN SOALAN KBAT

a	Ramai murid tidak memahami kata tugas soalan yang semakin mencabar
b	Ramai murid tidak memahami tugasan soalan KBAT (Kadangkala memahami tugasan soalan lebih sukar berbanding mencari jawapan)
c	Ramai murid kurang mampu mencari jawapan KBAT
d	Ramai calon tidak mencuba untuk menjawab apabila soalan itu tidak dalam bentuk lazim.

5. KATA TUGAS SOALAN KBAT YANG BIASA DIKEMUKAKAN

KATA TUGAS SOALAN	RESPONS YANG DIPERLUKAN
Apakah	Memberi maklumat secara khusus atau spesifik Contoh soalan “Apakah hubungkait..... “Apakah rasional.....
Jelaskan	Memberi penerangan tentang sesuatu supaya mudah difahami
Mengapakah	Memberi sebab / faktor
Bagaimanakah	Memberi penerangan tentang cara / langkah
Terangkan/huraikan	Jawapan perlukan fakta dan huraian (sokongan)
Buktikan kebenaran	Memberi bukti kebenaran tugasan soalan
Berikan komen anda	Memberi jawapan positif atau negatif atau kedua-duanya sekali
Berikan hujah anda	Alasan / fakta yang selari atau bertentangan dengan maksud tugasan soalan
Berikan ulasan anda	Memberi pandangan/ pendapat / komen / kritik
Berikan pendapat anda	
Sejauh manakah	Buktikan dalam jawapan dengan fakta berkaitan / jawapan mana-mana munasabah yang menyokong tugasan soalan. *Fakta lain dalam tajuk yang sama boleh juga dikemukakan untuk mengukuhkan jawapan
Berikan cadangan	Mengemukakan idea/ cadangan/buah fikiran berdasarkan tugasan soalan
Wajarkah	Langkah 1 : Berikan pendirian
Bolehkah	Langkah 2 : Berikan alasan berdasarkan pendirian di atas
Adakah	
Setujukah anda	
Ramalkan	Membuat ramalan sesuatu yang dijangkakan akan berlaku

6. FORMULA KBAT TERBUKA

- Terdapat **10 aspek** utama **KBAT** terbuka
- **Sebahagian besar** soalan meliputi aspek-aspek di bawah.

A1	ASPEK KESAN BAIK -Kesan baik umum -Kesan baik ekonomi -Kesan baik spesifik
A2	ASPEK KESAN BURUK -Kesan baik umum -Kesan baik ekonomi -Kesan baik spesifik
A3	ASPEK IKTIBAR
A4	ASPEK BUAT PERKARA BAIK-BAIK
A5	ASPEK CIRI BAIK -Ciri baik umum -ciri baik spesifik
A6	ASPEK CIRI BURUK -Ciri buruk umum -Ciri buruk spesifik
A7	ASPEK NILAI-NILAI BAIK / CIRI-CIRI POSITIF
A8	ASPEK CADANGAN
A9	ASPEK CABARAN / ISU DAN CADANGAN MENGATASI
A10	ASPEK ISU SEMASA

7. TUTORIAL KBAT TERBUKA

A1	ASPEK KESAN BAIK	(Peringkat menilai)
-	Soalan paling popular dikemukakan dalam peperiksaan SPM	
-	Petanda soalan aspek ini, biasanya pada soalan ada perkataan " mengapakah, kebaikan, kepentingan, faedah, manfaat, sesuai, kesan dan sebab "	
-	Terdapat soalan yang berlainan boleh diberi jawapan yang sama	
-	Terdapat juga soalan yang memerlukan jawapan yang khusus / spesifik berdasarkan tugasan soalan (KBAT terbuka jawapan spesifik)	

-	Terdapat 3 kategori soalan dan jawapan kesan baik-baik i) Jawapan kesan baik umum ii) Jawapan kesan baik ekonomi iii) Jawapan kesan baik spesifik (Jawapan kesan baik berdasarkan kehendak tugasan soalan.)
-	Boleh menggunakan perkataan “ mengukuhkan, mengekalkan, meningkatkan, memajukan, mewujudkan, melahirkan, meluaskan ” dan “ mengurangkan ” pada permulaan ayat.

KESAN BAIK UMUM

CONTOH SOALAN KESAN BAIK YANG BOLEH DIBERI JAWAPAN SECARA UMUM (Walaupun dalam peraturan pemarkahan disediakan jawapan yang spesifik)

1	Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mempertahankan negara daripada dijajah? [6 markah] (SPM 2011)
2	Mengapakah pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilakukan? [2 markah] (SPM 2012)
3	Berdasarkan pengetahuan anda, terangkan kebaikan amalan demokrasi dalam sesebuah negara [6 markah] (SPM 2013)
4	Jelaskan kesan sekiranya masyarakat kita mengamalkan kehidupan yang mematuhi perundungan Islam [6 markah] (SPM U 2013)
5	Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan. Mengapakah sistem tersebut sesuai dilaksanakan di negara kita? [2 markah] (SPM 2014)
6	Jelaskan kebaikan pengamalan ciri-ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin sekiranya diamalkan oleh pemimpim-pemimpin dunia masa kini. [2 markah] (SPM 2014)
7	Kestabilan kerajaan menjamin kemajuan negara dan bangsa Ulaskan pernyataan tersebut [4 markah] (SPM U 2014)
9	Bagaimanakah pengamalan sifat keperibadian Nabi Muhammad S.A.W boleh membantu pembentukan masyarakat Malaysia yang gemilang?

SOALAN SPM 2015

10	Mengapakah pakatan murni penting dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia [3 markah]
11	Mengapakah Perlumbagaan penting kepada negara [3 markah]
12	Bagaimanakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. [6 markah]

SOALAN SPM 2016

13	Sejauh manakah semangat nasionalisme mempengaruhi kemajuan sesebuah negara [8 markah]
----	---

SOALAN SPM 2017	
14	Mengapakah perpaduan negara difokuskan dalam Penyata Razak? [8 markah]
SOALAN SPMU 2018	
15	Mengapakah sistem Raja Berperlembagaan diamalkan di negara kita? Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda. [8 markah]

CONTOH JAWAPAN YANG BOLEH DITERIMA DALAM KEBANYAKKAN SOALAN KESAN BAIK SECARA UMUM

1	<i>Mengukuhkan perpaduan</i> antara kaum
2	<i>Mewujudkan keharmonian</i> dalam masyarakat
3	<i>Mengekalkan keamanan</i> dalam negara
4	<i>Mewujudkan Politik</i> yang stabil
5	<i>Memajukan ekonomi</i> negara
6	<i>Mengekalkan kedaulatan</i> negara
7	<i>Meningkatkan imej</i> negara meningkat
8	<i>Meningkatkan maruah</i> bangsa
9	<i>Meningkatkan ketamadunan</i> bangsa
10	<i>Melahirkan</i> masyarakat berakhhlak mulia
11	Menguasai ilmu pengetahuan
12	Meningkatkan kemajuan negara

CATATAN: -Bank jawapan ini boleh diperluaskan huraiannya termasuk **kesan baik ekonomi**
- Dilarang sama sekali menggunakan perkataan “**kita hendaklah**”,
“**kita mestilah**” dan “**pentingnya**” pada permulaan ayat kerana bukan
kesan baik.

CONTOH JAWAPAN ESEI ANALITIKAL

	Piagam Madinah sangat sesuai dilaksanakan di negara Malaysia pada hari ini. Kemukakan hujah anda untuk meyokong pernyataan tersebut.
--	---

KATA KUNCI INDUK

Pemimpin	Pentadbiran	Politik	Imej	Keamanan
Perpaduan	Pembangunan	Ekonomi	Ketamadunan	Kemajuan
Ketamadunan	Kedaulatan			

CONTOH JAWAPAN

Piagam Madinah sangat sesuai dilaksanakan di negara Malaysia pada hari ini ialah melahirkan **pemimpin** berwibawa **dan** melicinkan **pentadbiran** negara. Selain itu mewujudkan **politik** yang stabil **dan** seterusnya meningkatkan **imej** negara **serta** mengukuhkan **keamanan** dalam negara.

Seterusnya mengukuhkan **perpaduan** antara kaum **dan** meningkatkan **pembangunan** negara. Disamping itu meningkatkan **ekonomi** negara **dan** meningkatkan **ketamadunan** bangsa. Seterusnya meningkatkan **kemajuan** negara **dan** meningkatkan **ketamadunan** bangsa **serta** meningkat **kedaulatan** negara.

CONTOH JAWAPAN ESEI HOLISTIK

	Piagam Madinah sangat sesuai dilaksanakan di negara Malaysia pada hari ini. Kemukakan hujah anda untuk meyokong pernyataan tersebut.				
KATA KUNCI INDUK	KATA KUNCI HURAIAN				
PENTADBIRAN	nilai	pemimpin	politik	imej	
PERPADUAN	kerjasama	contoh	pembangunan	ekonomi	Ketamadunan
CONTOH JAWAPAN					
<p>Piagam Madinah sangat sesuai dilaksanakan di negara Malaysia pada hari ini ialah melicinkan pentadbiran negara dengan cara penyerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kesannya melahirkan pemimpin berwibawa dengan itu mewujudkan politik yang stabil dan akhirnya meningkatkan imej negara.</p> <p>Seterusnya mengukuhkan perpaduan antara kaum dengan cara mengeratkan kerjasama antara kaum contohnya antara kaum Melayu dengan kaum Cina dan India kesannya meningkatkan pembangunan negara dengan itu meningkatkan ekonomi negara dan seterusnya meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara.</p>					
Catatan:	<ul style="list-style-type: none"> -Format jawapan untuk pemeriksaan rubrik perskoran holistik -Salah satu cadangan susunan ayat fakta + huraian langkah + huraian kesan + huraian kesan + contoh 				
	<ul style="list-style-type: none"> -Sekiranya murid tidak mampu menyediakan jawapan secara holistik, fokuskan kepada kemahiran jawapan secara analitikal kerana setakat ini tidak menjejaskan markah 				
	<ul style="list-style-type: none"> -Murid juga boleh menulis jawapan yang bercampur “fakta + fakta dan fakta + huraian dalam satu jawapan. 				

KESAN BAIK EKONOMI

Contoh soalan dan jawapan kesan baik ekonomi

1	Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia perlu menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain [6 markah] (SPM 2013)
2	Apakah manfaat yang diperolehi sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul? [6 markah] (SPM 2013)

3	Pada pendapat anda mengapakah sektor perindustrian penting kepada negara [4 markah] (SPM U 2013)
4	Adakah kemajuan sektor perindustrian menjadi syarat untuk menjadi negara maju? [6 markah] (SPM U 2013) (Sekiranya pendirian “ya” jawapannya kesan baik aspek ekonomi)
5	Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani cabarans globalisasi . Sejauh manakah langkah tersebut berkesan untuk memberi manfaat kepada kemajuan negara dalam era globalisasi [6 markah] (SPM 2014)
6	Adakah Revolusi Perindustrian menjadi syarat untuk menjadi negara maju? Berikan pendapat anda [6 markah] (SPM 2014) (Sekiranya pendirian “ya” jawapannya kesan baik aspek ekonomi)
7	Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memajukan ekonomi negara. Sejauh manakah usaha tersebut berkesan untuk meningkatkan ketamadunan bangsa dan negara Malaysia? Catatan: <i>Calon boleh mengemukakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam memajukan bidang ekonomi dan kesan baik daripada usaha tersebut ATAU sekiranya terdesak, boleh juga hanya menyatakan kesan baik daripada aspek ekonomi.</i>
8	Wajarkah kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan agraria diberikan keutamaan dalam masyarakat hari ini? Beri hujah anda. [4 markah] (SPMU 2016) (Sekiranya pendirian “wajar”, jawapannya kesan baik ekonomi /
9	Memastikan murid dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia yang sedang berubah dengan mengaplikasikan Sains, Teknologi, kejuruteraan dan matematik(STEM) Mengapakah kerajaan fokus kepada matlamat tersebut? (kesan baik ekonomi dan spesifik [8 markah] (SPM 2017)
10	Sejarah telah membuktikan bahawa kegiatan pertanian dan perdagangan penting dalam kehidupan manusia dan sesebuah negara. Bincangkan kepentingan: (i) Kegiatan pertanian (10 markah) (ii) Kegiatan perdagangan (10 markah) Kertas 3 (SPMU 2018)

Catatan: - Semua soalan di atas walaupun mempunyai **jawapan spesifik** tetapi boleh diberi jawapan **aspek ekonomi yang sama**
- **Soalan no.1** boleh digabung bank jawapan **kesan baik umum dan kesan baik ekonomi**

CONTOH JAWAPAN YANG BOLEH DITERIMA DALAM KEBANYAKKAN SOALAN KESAN BAIK SECARA EKONOMI

1	Memajukan ekonomi negara
2	Meningkatkan eksport negara
3	Meningkatkan pendapatan negara
4	Meluaskan pasaran keluar negara
5	Membuka peluang pekerjaan kepada rakyat
6	Meningkatkan taraf hidup rakyat
7	Memajukan sektor pembuatan negara
8	Memajukan sektor perkilangan dalam negara
9	Mengurangkan kadar pengangguran
10	Melahirkan tenaga kerja mahir
11	Melahirkan usahaawan yang berjaya
12	Meningkatkan pembangunan dalam negara
13	Meningkatkan ketamadunan negara
14	Meningkatkan kemajuan negara
15	Meningkatkan kedaulatan negara
CATATAN: Murid perlu bijak memilih bank jawapan	

CONTOH JAWAPAN ESEI ANALITIKAL

	“Pertanian adalah satu perniagaan” Berikan ulasan anda.			
KATA KUNCI				
Dijual	Pendapatan	Makanan	Produk	
Kewangan	Ekonomi	Eksport	Pasaran	Pekerjaan

CONTOH JAWAPAN

Pertanian adalah satu perniagaan ialah lebihan hasil pertanian boleh **dijual dan** merupakan sumber **pendapatan** petani. **Selain itu** membekalkan **makanan** kepada rakyat **dan** bahan pertanian boleh **diproses** menjadi produk yang penting dalam negara.

Seterusnya membuka peluang **pekerjaan dan** meluaskan **pasaran** negara. **Di samping itu** meningkatkan **eksport** negara **dan** meningkatkan sumber **kewangan** negara. **Akhirnya** boleh dijadikan **agro-pelancongan dan** meningkatkan **ekonomi** negara.

Catatan: murid boleh juga **mencampuradukkan jawapan fakta+ fakta dan fakta + huraihan**

Contoh: Membuka peluang **pekerjaan** dan meluaskan **pasaran** negara. Selain itu meningkatkan **eksport** negara **kesannya** meningkatkan **pendapatan** negara.

CONTOH JAWAPAN ESEI HOLISTIK

	<p>“Pertanian adalah satu perniagaan” Berikan ulasan anda.</p>			
FAKTA	HURAIAN /CONTOH			
EKSPORT	pasaran	pendapatan	ekonomi	
PEKERJAAN	taraf hidup	kemiskinan	luar bandar	
MAKANAN	import	contoh	kewangan	pembangunan

CONTOH JAWAPAN ESEI

Pertanian adalah satu perniagaan ialah meningkatkan **eksport** negara **dengan cara** meluaskan **pasaran** hasil pertanian ke seluruh dunia **dengan itu** meningkatkan **pendapatan** negara dan seterusnya meningkatkan **ekonomi** negara. **Seterusnya** bidang pertanian membuka peluang **pekerjaan kesannya** meningkatkan **taraf hidup** rakyat **dengan itu** mengurangkan kadar **kemiskinan** terutama penduduk di **luar bandar**.

Bidang pertanian juga membekalkan bahan **makanan kepada rakyat kesannya** mengurangkan **import** makanan daripada luar **contohnya** import beras **dengan itu** menambahkan **kewangan** kerajaan **dan** peruntukan untuk **pembangunan** negara.

KESAN BAIK SPESIFIK

-	Jawapan berbeza berdasarkan tugasannya.
-	<p>Walau bagaimana pun bank jawapan kesan baik secara umum juga boleh dikemukakan sebagai jawapan tambahan.</p> <p>Contoh jawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan kemajuan negara - Meningkatkan ketamadunan bangsa - Menaikkan imej negara - Meningkatkan kedaulatan negara
-	Murid perlu bijak mengesahkan aspek soalan dan menyediakan jawapan spesifik

Contoh soalan dan jawapan kesan baik spesifik

Pada pendapat anda, mengapakah **warisan seni bina** di negara kita perlu **dikekalkan?**
ATAU

Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengisytiharkan Bandaraya Melaka dan George Town, Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008.

Jelaskan **kepentingan pengisytiharan tersebut** kepada negara kita.

1	Menghargai warisan bangsa
2	Lambang kemegahan negara

3	Lambang identiti negara
4	Lambang kehebatan tamadun bangsa
5	Sebagai tempat pelancongan (menarik) (pendapatan)
6	Untuk dilihat oleh generasi akan datang
7	Sebagai bahan kajian sejarah

SUKMA boleh menyumbang memajukan sukan di Malaysia.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 markah] [SPM 2014]

(Kesan baik SUKMA)

1	Meningkatkan mutu sukan negara
2	Melahirkan atlet berwibawa
3	Melahirkan jurulatih berwibawa
4	Melahirkan pelapis negara
5	Mencungkil bakat baru
6	Memajukan bidang sukan
7	Memupuk semangat kesukanan
8	Memupuk semangat bersaing

Adakah pertambahan jumlah penduduk di Malaysia memberi kesan positif?

Berikan hujah anda.

(Sekiranya pendirian “ya” jawapannya kesan baik spesifik)

1	Membekalkan tenaga kerja dalam pelbagai sektor
2	Peningkatan pengeluaran hasil dalam negara
3	Memperkuatkan keselamatan negara
4	Berlaku perkembangan bandar
5	Memajukan sektor perumahan
6	Memajukan ekonomi negara
7	Meningkatkan pendapatan negara
8	Meluaskan pasaran negara
9	Meningkatkan taraf hidup rakyat
10	Memajukan industri pemerosesan makanan

Catatan: Murid elit digalakkan **menghuraikan fakta induk**

Kemajuan sistem pengangkutan nadi kemajuan negara.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

(Kesan baik kemajuan sistem pengangkutan awam)

1	Mengurangkan kesesakan lalu lintas
2	Mempercepatkan perjalanan
3	Menjimatkan kos pengangkutan

4	Melicinkan aliran trafik
5	Menjana pembangunan ekonomi
6	Memajukan sektor perlancongan
7	Meningkatkan produktiviti negara
8	Memajukan sistem pengangkutan awam
9	Memajukan sektor perdagangan
10	Meningkatkan taraf hidup rakyat
11	Meningkatkan ketamaduhan negara

CATATAN: Murid boleh memberi jawapan **secara analitikal (fakta + fakta) atau holistik (huraian + huraian)**

CONTOH JAWAPAN ESEI HOLISTIK

Kemajuan sistem pengangkutan nadi kemajuan negara.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
KOS	tambang	harga	inflasi	sara hidup	
PEKERJAAN	pengangguran	pembangunan	ekonomi	taraf hidup	contoh kemiskinan

Kemajuan sistem pengangkutan nadi kemajuan negara ialah menjimatkan **kos pengangkutan** kesannya mengurangkan **tambang** pengangkutan dengan itu menurunkan **harga** barang lalu mengurangkan kadar **inflasi** dan **kos sara hidup rakyat**.

Seterusnya kemajuan sistem pengangkutan membuka peluang **pekerjaan** kepada rakyat kesannya mengurangkan kadar **pengangguran** dengan itu meningkatkan **pembangunan** dan **ekonomi** negara. Seterusnya meningkatkan **taraf hidup** rakyat terutama penduduk luar bandar kesannya mengurangkan kadar **kemiskinan** rakyat.

Mengapakah pelayaran itu (semasa penjelajahan) **penting** kepada Sepanyol

[SPM 2015]

(Kesan baik kepada Sepanyol)

1	Meluaskan pasaran barang Sepanyol
2	Menyebarluaskan agama Kristian
3	Menguasai laluan perdagangan
4	Berjaya menguasai tanah jajahan
5	Meningkatkan imej Sepanyol
6	Meningkatkan kebanggaan bangsa Sepanyol

Wajarkah sistem pendidikan di Sparta dilaksanakan dalam dunia moden?

Berikan alasan anda

[SPM 2016]

(Sekiranya pendirian “wajar” jawapan kesan baik spesifik)

- | | |
|---|---|
| 1 | Melahirkan rakyat cinta negara |
| 2 | Melahirkan rakyat setia pada negara |
| 3 | Melahirkan rakyat sanggup berkorban untuk negara |
| 4 | Melahirkan rakyat berdisiplin tinggi |
| 5 | Mengukuhkan pertahanan negara |
| 6 | Meningkatkan kedaulatan negara |
| 7 | Meningkatkan imej negara |
| 8 | Melahirkan rakyat yang tahan lasak |

Mengapakah British **menjadikan Sarawak tanah jajahannya**

(Kesan baik untuk negara British / faktor penjajahan)

[SPM 2017]

- | | |
|---|---|
| 1 | Meningkat kekuatan negara British |
| 2 | Meningkatkan kemegahan negara British |
| 3 | Kemampuan mempunyai tanah jajahan yang luas |
| 4 | Menguasai sumber bahan mentah Sarawak |
| 5 | Menguasai ekonomi tanah jajahan |
| 6 | Menjaga kepentingan pelabur British di Sarawak |
| 7 | Menguasai laluan perdagangan di Asia Tenggara |
| 8 | Menjaga kepentingan pelaburan British |

Mengapakah getah dianggap **produk penting** British pada abad ke-19 dan awal abad

ke-20? (Kesan baik untuk negara British)

[SPM 2017]

- | | |
|---|--|
| 1 | Menguasai sumber ekonomi Tanah Melayu |
| 2 | Sumber pendapatan negara British |
| 3 | British menjadi pembekal utama getah dunia |
| 4 | Getah digunakan dalam Revolusi Perindustrian |
| 5 | Sektor pembuatan di British berkembang |
| 6 | Membuka peluang pekerjaan rakyat British dalam sektor perkilangan |
| 7 | Meningkatkan eksport barang kilang British |
| 8 | Meluaskan pasaran eksport British |
| 9 | Meningkatkan taraf hidup penduduk British |

Ilmu pengetahuan merupakan **asas kemajuan** sesuatu bangsa
 Buktikan kebenaran pernyataan tersebut
(ASPEK KESAN BAIK SPESIFIK)

[SPM 2017]

1	Melahirkan golongan intelektual
2	Meneroka bidang baru
3	Melahirkan rakyat berfikiran kreatif
4	Menguasai teknologi tinggi
5	Melahirkan tenaga kerja mahir
6	Menghasilkan inovasi baru
7	Meningkatkan bidang penyelidikan
8	Meningkatkan pembangunan negara
9	Meningkatkan ekonomi negara
10	Menghasilkan ciptaan yang canggih
11	Meningkatkan kedaulatan negara
12	Meningkatkan maruah negara

K-ekonomi dan k-masyarakat pada zaman globalisasi telah meningkatkan kemajuan negara.

Buktikan. **(ASPEK KESAN BAIK SPESIFIK)**

1	Meningkatkan kualiti barang
2	Kemajuan bidang perniagaan
3	Membuka peluang pekerjaan
4	Melahirkan tenaga kerja mahir
5	Meningkatkan daya saing rakyat dan negara
6	Menghasilkan inovasi baru
7	Meningkatkan bidang penyelidikan (R&D)
8	Meningkatkan pembangunan negara
9	Meningkatkan taraf hidup rakyat
10	Meningkatkan kemajuan negara

A2	ASPEK KESAN BURUK	(Peringkat menilai)
-	Tugasan soalan ialah meminta calon mengemukakan jawapan kesan buruk yang akan atau telah berlaku kepada masyarakat dan negara.	
-	Calon boleh mengemukakan jawapan dengan cara negetifkan bank jawapan “kesan baik umum atau kesan baik ekonomi” . Contoh jawapan : - Perpaduan antara kaum terjejas. - Politik negara tidak stabil.	

- Terdapat 3 kategori soalan dan jawapan kesan buruk
 - i) Kesan buruk secara umum
 - ii) Kesan buruk ekonomi
 - iii) Kesan buruk spesifik

KESAN BURUK JAWAPAN UMUM

Contoh soalan kesan buruk jawapan secara umum

1	Apakah kesan terhadap negara sekiranya rakyat tidak mendapat pendidikan yang sempurna?	[SPM2011]
2	Jelaskan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang tinggi	[SPM 2012]
3	Nyatakan tiga kesan sekiranya masyarakat Malaysia mengamalkan amalan jahiliah	[SPM 2013]
4	Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya dasar luar negara tidak mantap? (boleh digabungkan kesan baik umum dan kesan baik ekonomi)	[SPM JUN 2014]
5	Gambar berikut menunjukkan senjata canggih yang digunakan dalam perang pada abad ini. Berdasarkan perkembangan teknologi persenjataan masa kini, ramalkan masa depan dunia.	[SPM 2015]
6	Jelaskan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak mementingkan perpaduan antara kaum.	
7	Kaedah yang digunakan oleh Otto Eduard von Bismarck untuk menyatukan negara tidak wajar dicontohi. Berikan alasan anda.	[SPMU 2017]
8	Mengapa cara pembinaan negara bangsa di Jerman dan Itali tidak sesuai dilaksanakan pada masa kini ? Beri penjelasan anda.	[SPMU 2018]
	CATATAN: Walaupun dalam peraturan pemarkahan disediakan jawapan spesifik, jawapan kesan buruk umum boleh diterima.	

CONTOH JAWAPAN YANG BOLEH DITERIMA DALAM KEBANYAKKAN JAWAPAN KESAN BURUK UMUM

1	Perpaduan antara kaum terjejas
2	Keamanan dalam negara tergugat
3	Pemimpin tidak berwibawa
4	Keharmonian dalam masyarakat merosot

5	Politik menjadi tidak stabil
6	Rusuhan antara kaum berlaku
7	Kedaulatan negara terancam
8	Akhhlak masyarakat merosot
9	Pembangunan negara terjejas
10	Imej negara merosot
11	Maruah negara tergadai
12	Jenayah semakin meningkat
13	Ketamaduhan bangsa merosot
14	Kemajuan negara terjejas

CONTOH SOALAN

Jelaskan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang tinggi

CONTOH JAWAPAN STRUKTUR ANALITIKAL

FAKTA + FAKTA

Perpaduan	Politik	Rusuhan	Keamanan	Imej	
<i>Kesannya ialah perpaduan antara kaum terjejas dan politik tidak stabil. Selain itu rusuhan antara kaum berlaku dan keamanan dalam negara tergugat serta imej negara merosot</i>					

CONTOH JAWAPAN STRUKTUR HOLISTIK

FAKTA	HURAIAN + HURAIAN			
PERPADUAN	politik	rusuhan	contoh	Kedaulatan
<i>Kesannya ialah perpaduan antara kaum terjejas kesannya politik tidak stabil dengan itu rusuhan antara kaum akan berlaku contohnya seperti peristiwa 13 Mei dan seterusnya kedaulatan negara terancam.</i>				

KESAN BURUK EKONOMI

Contoh soalan kesan buruk ekonomi

1	Jelaskan kesan sekiranya kita tidak mementingkan bidang pertanian
2	Jelaskan kesan sekiranya kita tidak mengutamakan bidang perindustrian.
3	Jelaskan kesan sekiranya kita tidak mementingkan bidang perdagangan antarabangsa

CONTOH JAWAPAN YANG BOLEH DITERIMA DALAM KEBANYAKKAN JAWAPAN KESAN BURUK EKONOMI

1	Ekonomi negara merosot
2	Pendapatan negara merosot
3	Eksport negara berkurangan
4	Kewangan negara merosot
5	Peluang pekerjaan semakin berkurangan
6	Taraf hidup rakyat merosot
7	Kemiskinan rakyat meningkat
8	Pembangunan negara terjejas
9	Kemajuan negara tergugat
10	Imej negara merosot
11	Ketamadunan bangsa merosot
12	Pasaran di luar negara terjejas

CONTOH JAWAPAN HOLISTIK

Jelaskan kesan sekiranya negara kita **tidak mementingkan bidang pertanian**

FAKTA	HURAIAN				
PEKERJAAN	pengangguran	taraf hidup	luar bandar		
EKSPORT	pendapatan	contoh	ekonomi	pembangunan	kemajuan

CONTOH JAWAPAN ESEI

Kesan sekiranya negara kita tidak mementingkan bidang pertanian ialah peluang **pekerjaan terjejas kesannya **pengangguran** dalam negara meningkat dan seterusnya **taraf hidup** rakyat menurun terutama penduduk di **luar bandar**.**

Selain itu **eksport** hasil pertanian negara menurun **contohnya** minyak kelapa sawit kesannya **pendapatan** negara berkurangan dengan itu **ekonomi** negara merosot dan seterusnya **pembangunan** negara terbantut dan **kemajuan** negara terjejas.

KESAN BURUK JAWAPAN SPESIFIK

-	Tugasan soalan ialah meminta calon mengemukakan jawapan kesan buruk yang jawapannya lebih spesifik (Jawapan berdasarkan kehendak tugas soalan)
---	---

Contoh soalan dan jawapan kesan buruk lebih spesifik

Adakah globalisasi merupakan satu ancaman terhadap negara kita?
Berikan pendapat anda.

(Sekiranya pendirian “YA” jawapannya kesan buruk spesifik)

FAKTA	HURAIAN + HURAIAN			
PALSU	hubungan	ketenteraman	imej	
MEDIA	akhlak	maksiat	contoh	
BUDAYA	tatasusila	X bermoral		

CONTOH JAWAPAN ESEI HOLISTIK

Ya, globalisasi merupakan satu ancaman terhadap negara kita kerana terdedah dengan penyebaran maklumat **palsu kesannya** kejadian **fitnah** semakin meningkat dengan

itu hubungan baik antara kaum terjejas **dan seterusnya ketenteraman** awam tergugat **dan imej** negara tercalar.

Selain itu golongan remaja terdedah dengan **media porno** **kesannya akhlak** mereka merosot **dan seterusnya** kejadian **maksiat** meningkat **contohnya** pergaularan bebas berleluasa.

Di samping itu penularan **budaya** liar yang tidak terkawal **kesannya** meruntuhkan **tatasusila** rakyat **dan seterusnya** masyarakat mengamalkan kehidupan tidak **bermoral**.

Jelaskan kesan kemasukan warga asing yang tidak terkawal di negara kita

CONTOH JAWAPAN ESEI ANALITIKAL

FAKTA	FAKTA	FAKTA	FAKTA	FAKTA	FAKTA
Jenayah	Ketenteraman	Keamanan	Imej	Penyakit	Pekerjaan
Pengangguran	Pendapatan	Setinggan	perniagaan		

Kesan kemasukan warga asing yang tidak terkawal ialah **jenayah** akan berleluasa **dan ketenteraman** awam terjejas. **Selain itu keamanan** negara tergugat **dan imej** negara tercalar.

Selain itu wabak **penyakit** merebak **dan** peluang **pekerjaan** rakyat tempatan terjejas **serta pengangguran** dalam negara meningkat. Seterusnya **pendapatan** negara merosot **dan** wujud kawasan **setinggan** yang didiami oleh pendatang asing. Akhir sekali menjelaskan **perniagaan** penduduk tempatan.

CONTOH JAWAPAN ESEI HOLISTIK					
Jelaskan kesan kemasukan warga asing yang tidak terkawal di negara kita					
FAKTA	HURAIAN + HURAIAN				
JENAYAH	contoh	ketenteraman	keamanan	imej	
PENYAKIT	kesihatan	kos	perbelanjaan		
PEKERJAAN	contoh	pengangguran	kemiskinan	taraf hidup	

Kesan kemasukan warga asing yang tidak terkawal ialah jenayah akan berleluasa **contohnya** rompakan bersenjata **kesannya ketenteraman** awam terjejas dengan itu **keamanan** negara tergugat dan **imej** negara tercalar.

Selain itu wabak **penyakit** merebak **kesannya kesihatan** rakyat terjejas dengan itu **kos** rawatan mengubati penyakit meningkat dan seterusnya **perbelanjaan** sara hidup rakyat tempatan bertambah.

Kesan yang lain ialah peluang **pekerjaan** rakyat tempatan terjejas **contohnya** dalam sektor pembinaan **kesannya pengangguran** dalam negara meningkat dengan itu **kemiskinan** rakyat tempatan meningkat dan seterusnya **taraf hidup** rakyat menurun

Adakah kemajuan perbandaran di negara kita telah mendatangkan keburukan? Berikan pendapat anda.	
(Sekiranya pendirian “YA” jawapannya kesan buruk perbandaran)	
1	Kemusnahan alam sekitar
2	Peningkatan suhu alam sekitar
3	Menggalakkan budaya lepak
4	Peningkatan kadar jenayah
5	Gejala sosial meningkat
6	Gaya hidup mementingkan diri sendiri
7	Wujud petempatan setinggan
8	Kekurangan tenaga kerja di desa
9	Kos sara hidup meningkat
10	Runtuhnya semangat kejiranan

Adakah kemajuan perbandaran di negara kita telah mendatangkan keburukan? Berikan pendapat anda.					
CONTOH JAWAPAN ESEI HOLISTIK					
FAKTA	HURAIAN				
ALAM SEKITAR	suhu	udara	penyakit	kesihatan	
JENAYAH	contoh	keamanan	ketakutan	imej	

Ya, kemajuan kemajuan perbandaran di negara kita telah mendatangkan keburukan. Berlaku kemusnahan **alam sekitar** **kesannya** berlaku peningkatan **suhu** alam sekitar **dan** pencemaran **udara** **dengan itu** akan berlaku **penyakit berjangkit** yang menjelaskan **kesihatan** rakyat.

Seterusnya peningkatan kadar **jenayah** contohnya sering berlaku **rompakan bersenjata** **kesannya** rakyat hidup dalam **ketakutan dan seterusnya** menjelaskan **keamanan negara** **dan imej** negara tercalar

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah yang akan berlaku **sekiranya Malayan Union terus dilaksanakan di Tanah Melayu?**

(kesan buruk spesifik kepada penduduk peribumi)

1	Sultan hilang kuasa
2	Melenyapkan kuasa politik orang Melayu
3	Orang Melayu kehilangan warisan bangsa
4	Agama Islam tidak akan menjadi agama rasmi negara
5	Orang Melayu hidup dalam kemunduran
6	Orang Melayu akan mundur dalam pendidikan
7	Orang Melayu mundur dalam bidang ekonomi
8	Masyarakat peribumi hidup menderita
9	Hak istimewa orang Melayu tidak dapat dikekalkan

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah yang akan berlaku **sekiranya Malayan Union terus dilaksanakan di Tanah Melayu?**

JAWAPAN SECARA HOLISTIK

FAKTA	HURAIAN + HURAIAN		
RAJA	politik	warisan	KMM
MUNDUR	ekonomi	pendidikan	masa depan

CONTOH JAWAPAN ESEI

Kesan sekiranya Malayan Union terus dilaksanakan di Tanah Melayu ialah Raja-raja Melayu hilang kuasa **kesannya melenyapkan kuasa **politik** orang Melayu dengan itu akan kehilangan **warisan** bangsa yang dibina sejak oleh **Kesultanan Melayu Melaka**.**

Selain itu orang Melayu hidup dalam keadaan **mundur** **kesannya** ketinggalan dalam bidang **ekonomi** dan bidang **pendidikan** dengan itu menjelaskan **masa depan** orang Melayu.

- Merompak
- Membunuh bayi perempuan
- Penindasan orang kaya terhadap orang miskin

Amalan tersebut **menjejaskan keharmonian** kehidupan masyarakat
Huraikan pernyataan di atas?

[SPM 2017]

(Kehendak asal tugas soalan, kesan buruk spesifik daripada stimulus di atas)

CONTOH JAWAPAN HOLISTIK

Amalan merompak menyebabkan kejadian jenayah berleluasa kesannya rakyat hidup dalam **ketakutan** dengan itu menjaskan **keharmonian** dalam masyarakat dan **keamanan** negara tergugat.

Seterusnya pembunuhan bayi perempuan, akan menyebabkan **kekejaman** berlaku dalam masyarakat dengan itu **bilangan** kaum perempuan akan berkurangan dan seterusnya menyebabkan pengurangan **jumlah** penduduk

Akhir sekali penindasan **orang kaya terhadap orang miskin** kesannya orang kaya **bertambah kaya**, orang miskin bertambah miskin dan seterusnya **jurang** ekonomi semakin meningkat serta menjaskan **imej** dan **maruah** negara

CONTOH SOALAN SPM ASPEK KESAN BURUK SPESIFIK

Mengapakah penduduk tempatan tidak puashati terhadap pengenalan sistem birokrasi Barat? (Kesan buruk spesifik kepada penduduk peribumi) [SPM U 2014]

Sejauh manakah **Perang Dunia Pertama** menjaskan kehidupan masyarakat Eropah? [SPMU 2017]

(kesan buruk perang kepada masyarakat Eropah)

Jawapan dalam buku teks boleh ditambah dengan mana-mana yang munasabah **kesan buruk perang**.

A3	ASPEK IKTIBAR	(Peringkat Aplikasi)
-----------	----------------------	-----------------------------

- Maksud **iktibar** ialah **pengajaran** atau **ciri-ciri baik** yang boleh diambil dari tamadun, kerajaan, peristiwa dan tokoh untuk digunakan dalam kehidupan kita pada hari ini.
- Petanda soalan aspek iktibar dengan adanya perkataan “**iktibar**” pada soalan.
- Soalan berkaitan **tamadun dan kerajaan** bank jawapannya lebih luas berbanding jawapan berkaitan **peristiwa dan tokoh**.
- Untuk menjawab soalan **aras aplikasi** ini, pelajar telah dianggap menguasai isi pelajaran berkaitan tamadun, kerajaan, peristiwa dan tokoh berkenaan.
- Boleh menggunakan perkataan “**Kita hendaklah**” atau “**kita mestilah**” atau “**Pentingnya**” atau imbuhan “**Me**” pada permulaan ayat jawapan anda.
- **Nilai-nilai yang baik** boleh juga dijadikan bank jawapan contohnya tabah / toleransi / kerjasama/ amanah / tidak berputus asa.
- Dalam peraturan pemarkahan akan disediakan **jawapan spesifik** berdasarkan tugasan soalan

CONTOH SOALAN SPM

1	Jelaskan iktibar yang diperolehi daripada kejayaan Turki Uthmaniyyah untuk kegemilangan negara dan bangsa Malaysia	[5 markah]	(SPM 2009)
2	Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka untuk kegemilangan bangsa dan negara Malaysia	[2 markah]	(SPM 2010)
3	Berdasarkan pengkajian anda terhadap kegemilangan kerajaan Bani Umayyah, terangkan iktibar yang boleh diambil untuk menjadikan negara dan bangsa Malaysia lebih gemilang pada masa akan datang.	[6 markah]	(SPM 2011)
4	Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat Arab	[2 markah]	(SPM 2012)
5	Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW membuka semula Kota Makkah tanpa pertumbahan darah	[6 markah]	(SPM 2013)
6	Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada perjanjian (Hudaibiyah) tersebut.	[6 markah]	(SPM U 2013)
7	Jelaskan iktibar di sebalik kejayaan penandatanganan perjanjian tersebut. (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957)	[6 markah]	(SPM U 2013)
8	Apakah iktibar daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam? Berikan penjelasan anda	[4 markah]	(SPM U 2014)
9	Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan pembukaan semula Kota Makkah oleh Nabi Muhammad S.A.W.		
10	Huraikan iktibar daripada perjuangan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh yang terlibat dalam perjuangan mendaulatkan negara		

CONTOH JAWAPAN / AYAT YANG BOLEH DITERIMA DALAM KEBANYAKAN SOALAN

1	Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan antara kaum
2	Kita hendaklah mewujudkan keharmonian dalam masyarakat
3	Kita hendaklah bijak berkomunikasi
4	Kita mestilah mengukuhkan keamanan dalam negara
5	Kita mestilah menguasai ilmu pengetahuan
6	Kita mestilah mementingkan strategi yang berkesan
7	Pentingnya berfikiran kreatif
8	Pentingnya tabah menghadapi cabaran
9	Mempunyai pentadbiran yang berkesan
10	Mempunyai pemimpin berwibawa
11	Mengukuhkan sikap toleransi antara kaum
12	Mewujudkan politik yang stabil
13	Memajukan ekonomi negara
14	Sanggup bekorban untuk negara

Calon mesti bijak memilih jawapan berdasarkan tugasan soalan

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN STRUKTUR HOLISTIK				
Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW membuka semula Kota Makkah tanpa pertumbahan darah				
FAKTA	HURAIAN	HURAIAN	CONTOH	
TABAH	X berputus asa	kejayaan	contoh	
FAKTA + HURAIAN + HURAIAN + CONTOH				
Iktibar yang boleh diambil ialah tabah menghadapi cabaran kesannya tidak mudah berputus asa dengan itu mudah mencapai kejayaan contohnya dalam bidang kerjaya				

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN ESEI HOLISTIK					
Berdasarkan pengkajian anda terhadap kegemilangan kerajaan Bani Umayyah, terangkan iktibar yang boleh diambil untuk menjadikan negara dan bangsa Malaysia lebih gemilang pada masa akan datang.					
FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
PEMIMPIN	terkenal	Pentadbiran	Politik	kemajuan	Ketamadunan
ILMU	Intelektual	contoh	Idea	ciptaan	imej
CONTOH JAWAPAN					
<p>Iktibar yang boleh diambil ialah melahirkan pemimpin berwibawa yang terkenal di peringkat antarabangsa kesannya mewujudkan pentadbiran yang cekap dengan itu mewujudkan politik yang stabil. Seterusnya pemimpin berwibawa meningkatkan kemajuan negara kesannya meningkatkan ketamadunan bangsa.</p> <p>Selain itu menguasai ilmu pengetahuan kesannya melahirkan golongan intelektual contohnya dalam bidang teknologi tinggi dengan itu mampu melahirkan idea yang kreatif dan menghasilkan ciptaan yang canggih yang akan menaikkan imej negara.</p>					

Contoh soalan dan jawapan iktibar spesifik berdasarkan tugasan soalan	
Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada pelaksanaan rancangan pembangunan lima tahun Malaysia	
1	Sentiasa berfikir secara kreatif
2	Meningkatkan kemajuan dalam pelbagai bidang
3	Meneroka bidang baru
4	Berkebolehan merancang strategi berkesan
5	Berpandangan jauh
6	Meningkatkan kemajuan dalam bidang teknologi tinggi
7	Sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan negara
8	Menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang
9	Mementingkan bidang inovasi

A4	ASPEK BUAT PERKARA BAIK-BAIK (Biasanya peringkat aplikasi dan menjana idea)
-----------	--

- | | |
|---|--|
| - | Petanda soalan aspek ini, pada soalan biasanya terdapat perkataan:
“ Sebagai warganegara ”
“ Peranan anda ”
“ Peranan jenarasi muda ”
“ Golongan remaja ” |
| - | Remaja/generasi muda /warganegara yang buat perkara baik-baik, bukan pihak lain
Contoh jawapan yang salah – “ kerajaan mengukuhkan perpaduan antara kaum ”. |
| - | Boleh menggunakan kata kerja “ Mengukuhkan, mengeratkan, mewujudkan, menguasai, menjadi, mematuhi, menjadi ” pada permulaan ayat. |
| - | Jawapan yang sama untuk soalan berlainan |
| - | Terdapat soalan memerlukan jawapan yang lebih spesifik |

CONTOH SOALAN SPM

- | | |
|----------|---|
| 1 | Berikan cadangan kepada generasi muda hari ini supaya mereka menjadi warga negara Malaysia yang berupaya mempertahankan kedaulatan negara (SPM 2008) |
| 2 | Sebagai warganegara Malaysia yang patriotik, apakah peranan anda untuk menjamin pembangunan negara kita supaya berterusan? (SPM 2010) |
| 3 | Sebagai warga negara Malaysia , bagaimanakah anda berusaha untuk melaksanakan mesej yang terkandung dalam lagu kebangsaan negara kita? (SPM 2011) |
| 4 | Sebagai warganegara Malaysia yang cintakan negara, jelaskan persiapan yang anda mesti lakukan untuk mempertahankan negara kita daripada sebarang bentuk penjajahan pada masa hadapan (SPM 2011) |
| 5 | Nyatakan dua ciri rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi (SPM 2012) |
| 6 | Sebagai warganegara yang patriotik , apakah tanggungjawab anda untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia (SPM 2013) |
| 7 | Bagaimanakah cara untuk mengisi kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh pejuang-pejuang tanah air? (SPM U 2013) |
| 8 | Anda sebagai generasi muda , apakah peranan anda untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020? (SPM U 2014) |
| 9 | Bagaimanakah prinsip Rukun Negara diamalkan dalam kehidupan seharian? |

Bank jawapan buat perkara baik-baik

1	Mengeratkan perpaduan antara kaum
2	Menjaga keharmonian dalam masyarakat
3	Mengukuhkan keamanan dalam negara
4	Mematuhi ajaran agama
5	Mematuhi undang-undang negara
6	Memiliki sifat tabah dalam kehidupan
7	Mempunyai akhlik yang mulia
8	Menguasai ilmu pengetahuan
9	Menjadi pemimpin berwibawa
10	Menjadi golongan intelektual
11	Mempunyai strategi berkesan
12	Mempunyai fikiran yang kreatif
13	Menguasai bidang teknologi tinggi
14	Bijak berkomunikasi
15	Sanggup berkorban untuk negara
16	Menghormati lambang negara
17	Setia pada negara

Contoh jawapan struktur analitikal

Jelaskan ciri **rakyat Malaysia** yang mempunyai **jati diri yang tinggi**.

Fakta	fakta	fakta	fakta	fakta	
tabah	agama	undang-undang	pemimpin	berkorban	

Cirinya ialah **tabah** menghadapi cabaran **dan** mematuhi ajaran **agama**. Selain itu mematuhi **undang-undang** negara dan menjadi **pemimpin** berwibawa serta sanggup **berkorban** untuk negara

Contoh jawapan struktur Holistik

Jelaskan ciri **rakyat Malaysia** yang mempunyai **jati diri yang tinggi**.

FAKTA	HURAIAN	HURAIAN	CONTOH		
TABAH	cabaran	gejala	contoh		

Cirinya ialah mempunyai sifat **tabah** kesannya sanggup menghadapi **cabaran dengan itu** tidak mudah terlibat dengan **gejala** negatif **contohnya** penagihan dadah.

Contoh soalan dan jawapan holistik					
Sebagai warganegara, bagaimanakah anda menunjukkan rasa bangga dan setia terhadap negara?					
FAKTA	HURAIAN				
PEMIMPIN	pentadbiran	pembangunan	kemiskinan		
PERPADUAN	X rusuhan	contoh	keamanan		
ILMU	intelektual	contoh	Kreatif	Ciptaan	

CONTOH JAWAPAN ESEI					
<p>Cara menunjukkan rasa bangga dan setia terhadap negara ialah menjadi Pemimpin berwibawa kesannya mewujudkan pentadbiran yang licin dengan itu Meningkatkan pembangunan negara dan seterusnya mengurangkan kemiskinan rakyat. Seterusnya mengukuhkan perpaduan antara kaum kesannya tidak berlaku rusuhan antara kaum contohnya Peristiwa 13 Mei dengan itu mengekalkan keamanan negara.</p> <p>Seterusnya menguasai ilmu pengetahuan kesannya menjadi golongan intelektual contohnya pakar dalam bidang kejuruteraan dengan itu mampu berfikir secara kreatif dan seterusnya menghasilkan ciptaan yang canggih.</p>					

Soalan dan jawapan lebih spesifik

Jelaskan peranan warga Malaysia untuk mewujudkan kehidupan yang harmoni dalam kalangan masyarakat berbilang kaum					
FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
SENSITIF	X rusuhan	contoh	keamanan	politik	
RUMAH TERBUKA	perayaan	contoh	kejiranan	hubungan	
SUKAN	contoh	kerjasama	hormat		

CONTOH JAWAPAN ESEI HOLISTIK					
<p>Peranan warga Malaysia untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum ialah Tidak menimbulkan isu-isu sensitif kaum lain kesannya tidak akan berlaku rusuhan antara kaum contohnya seperti peristiwa 13 Mei dengan itu mengukuhkan keamanan negara dan seterusnya mewujudkan politik yang stabil.</p> <p>Selain itu mengadakan rumah terbuka melibatkan semua kaum ketika menyambut sesuatu perayaan contohnya perayaan Tahun Baru Cina kesannya mengeratkan semangat kejiranan dan seteruskan mengukuhkan hubungan antara kaum.</p> <p>Seterusnya menyertai aktiviti sukan melibatkan semua kaum contoh dalam permainan bola sepak kesannya mengeratkan kerjasama antara kaum dengan itu mengukuhkan sikap hormat-menghormati antara kaum.</p>					
<p style="text-align: right;">Pencerahan kbat</p>					

Bagaimakah generasi muda memanfaatkan globalisasi?

- | | |
|----|--|
| 1 | Menguasai teknologi maklumat |
| 2 | Menambah kenalan di luar negara |
| 3 | Mencipta teknologi baru |
| 4 | Merebut peluang dalam bidang perniagaan |
| 5 | Berfikir secara kreatif |
| 6 | Menguasai ilmu pengetahuan |
| 7 | Meningkatkan taraf kehidupan |
| 8 | Menjalankan perniagaan e-dagang |
| 9 | Menjadi usahaawan berjaya |
| 10 | Menghasilkan ciptaan yang canggih |

Bagaimakah semangat inkuiiri dapat dimanfaatkan oleh generasi muda untuk meningkatkan kecemerlangan diri?

- | | |
|---|---|
| 1 | Menjalankan penyelidikan |
| 2 | Meningkatkan ilmu pengetahuan |
| 3 | Menghasilkan ciptaan baru |
| 4 | Membuat penambahbaikan terhadap produk sedia ada |
| 5 | Berfikir secara kreatif |
| 6 | Meningkatkan penguasaan teknologi moden |
| 7 | Meningkatkan kualiti produk |
| 8 | Menjadi tenaga kerja mahir |
| 9 | Sanggup menanggung risiko meneroka bidang baru |

A5 ASPEK CIRI BAIK (peringkat analisis)

- | | |
|---|--|
| - | Keistimewaan yang wujud pada tamadun/kerajaan yang menyebabkan mereka mencapai kehebatan/ kemajuan / kegemilangan |
| - | Jawapan boleh digabung jalin dengan aspek nilai yang baik |
| - | Petanda soalan aspek ini ialah biasanya pada soalan ada perkataan " mengapakah " yang merujuk pada sesuatu tamadun atau kerajaan. |
| - | Terdapat juga soalan ciri baik jawapan spesifik berdasarkan tugasaran soalan |

SOALAN ASPEK CIRI BAIK JAWAPAN SECARA UMUM

1	Mengapakah kerajaan awal di Asia Tenggara <u>mampu membina Monumen yang hebat?</u> (SPM 2012)
2	Pada pandangan anda, mengapakah <u>masyarakat tamadun Indus mampu membina bandar terancang?</u> (SPM 2011) (SPM 2013)
3	<u>Kemunculan sesebuah tamadun</u> berlaku dengan dalam sejarah dunia. Mengapakah keadaan itu terjadi?
4	Pada pendapat anda, apakah <u>faktor yang menyumbang kepada kejayaan Rom</u> dalam bidang seni bina
5	Kerajaan Bani Abbasiyah telah <u>mencapai puncak kegemilangan</u> Buktikan kebenaran pernyataan di atas.

BANK JAWAPAN ASPEK CIRI BAIK SECARA UMUM

1	Mempunyai pemimpin berwibawa
2	Menguasai ilmu pengetahuan
3	Wujud keamanan dalam negara
4	Wujud perpaduan dalam negara
5	Maju dalam bidang ekonomi
6	Mempunyai pentadbiran yang berkesan
7	Mempunyai pemikiran yang kreatif
8	Maju dalam bidang teknologi
9	Mengadakan hubungan dengan negara luar
10	Mempunyai tenaga kerja mahir
11	Kaya dengan bahan mentah
12	Wujud semangat kerjasama antara kaum.
13	Rakyat setia pada pemerintah
Catatan: Murid perlu bijak memilih bank jawapan	

Contoh jawapan struktur analitikal

Mengapakah tamadun awal mampu membina monumen yang hebat?

fakta	fakta	fakta	fakta	fakta	
ilmu	kreatif	kreatif	teknologi		

Sebabnya ialah menguasai **ilmu** pengetahuan **dan** mampu berfikir secara **kreatif**.
seterusnya menguasai **teknologi** tinggi **dan** mempunyai **tenaga kerja** yang ramai.

Contoh jawapan struktur holistik

Mengapakah tamadun awal mampu membina monumen yang hebat?

FAKTA	HURAIAN	HURAIAN	HURAIAN	CONTOH	
ILMU	cerdik pandai	kreatif	ciptaan	piramid	
<p>Sebabnya ialah menguasai ilmu pengetahuan kesannya melahirkan golongan cerdik pandai dengan itu mampu berfikir secara kreatif dan seterusnya menghasilkan ciptaan yang canggih contohnya piramid.</p>					

Contoh jawapan eseai holistik

Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyumbang kepada kegemilangan sesebuah kerajaan?

FAKTA	HURAIAN / CONTOH			
PEMIMPIN	terkenal	contoh	pentadbiran	kemajuan
PERPADUAN	keamanan	politik	X rusuhan	
EKONOMI	contoh	pendapatan	pembangunan	taraf hidup

Faktor yang menyumbang kepada kegemilangan sesebuah kerajaan ialah mempunyai **pemimpin** berwibawa yang **terkenal** di peringkat antarabangsa **contohnya** Khalifah Harun al-Rasyid dari kerajaan Bani Abbasiyah **kesannya** mewujudkan **pentadbiran** yang berkesan dan seterusnya meningkatkan **kemajuan** negara.

Selain itu wujud **perpaduan** antara kaum **kesannya** mengukuhkan **keamanan** dalam negara dengan itu mewujudkan **politik** yang stabil dan seterusnya tidak berlaku **rusuhan** antara kaum.

Seterusnya kemajuan dalam bidang **ekonomi contohnya** dalam bidang perdagangan antarabangsa **kesannya** meningkatkan **pendapatan** negara dengan itu meningkatkan **pembangunan** negara dan **taraf hidup** rakyat.

SOALAN CIRI BAIK JAWAPAN SPESIFIK

Contoh soalan

a	Mengapakah tamadun awal berlaku <u>di lembah sungai utama?</u>	[SPM 2016]
b	Mengapakah kerajaan Islam <u>berjaya menjadi pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan</u>	[SPM 2017]
c	Mengapakah bandar (1a) <u>dibina di lembah sungai?</u>	[SPM 2017]
d	Berdasarkan kajian anda terhadap tamadun awal manusia, huraiakan <u>kualiti manusia</u> yang diperlukan <u>untuk membangun dan memajukan sesebuah tamadun</u>	[SPMU 2018]

Contoh soalan dan jawapan ciri baik spesifik

1	Berdasarkan pengetahuan anda, <u>mengapakah agama Islam mudah diterima oleh masyarakat Asia Tenggara.</u> (SPM 2010) (Sebahagian besar jawapan boleh diambil berkaitan keistimewaan Islam)
1	Ajaran Islam mudah difahami
2	Syarat masuk Islam sangat mudah
3	Kebenaran ajaran Islam
4	Penyebaran Islam tidak melalui kekerasan
5	Islam mementingkan persaudaraan
6	Islam mementingkan persamaan taraf
7	Islam mementingkan akhlik yang mulia
8	Sifat mulia pendakwah
CATATAN: Nilai-nilai yang baik berkaitan Islam boleh diterima sebagai jawapan	

Pada pendapat anda, apakah kekuatan yang ada dalam sesuatu organisasi bagi menjayakan matlamat mereka?

Jawapan struktur holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
PEMIMPIN	strategi	tindakan	matlamat		
TABAH	X berputus asa	gigih			

Kekuatan yang ada dalam sesuatu organisasi bagi menjayakan matlamat mereka ialah mempunyai **pemimpin** berwibawa **kesannya** mempunyai **strategi** yang berkesan **dengan itu** bijak mengambil **tindakan dan seterusnya** mampu mencapai **matlamat** **Selain itu tabah** menghadapi cabaran **kesannya** tidak mudah **berputus asa dengan itu gigih** berusaha untuk mencapai kejayaan.

Apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi kerajaan agraria.

Berikan penjelasan anda.

[SPM 2015]

Contoh jawapan struktur holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
SUBUR	pertanian	contoh	beras		

Faktor mempengaruhinya ialah tanah **subur** **kesannya** sesuai untuk kegiatan **pertanian contohnya** penanaman padi sawah **dengan itu** meningkatkan pengeluaran **beras** negara.

Berdasarkan kajian anda terhadap tamadun awal manusia,uraikan **kualiti manusia** yang diperlukan **untuk membangun dan memajukan sesebuah tamadun** [SPMU 2018]

1	Mempunyai ciri-ciri kepimpinan cemerlang
2	Menguasai ilmu pengetahuan
3	Menguasai teknologi tinggi
4	Berfikir secara kreatif
5	Tidak mudah berputus asa
6	Bersedia menerima perubahan
7	Menghasilkan ciptaan baru
8	Tabah menghadapi cabaran

A6 ASPEK CIRI BURUK (peringkat analisis)

-	Ciri-ciri yang buruk / negetif yang berlaku dalam sesebuah tamadun / negara / masyarakat / individu
-	Negetifkan jawapan ciri-ciri yang baik. CONTOH JAWAPAN - Tidak mempunyai pemimpin berwibawa - Tidak wujud perpaduan antara kaum - Berlaku rusuhan antara kaum
-	Terdapat juga soalan ciri buruk jawapan spesifik berdasarkan tugasannya.

CONTOH SOALAN CIRI BURUK UMUM

1	Keruntuhan sesebuah tamadun berlaku dengan dalam sejarah dunia. Mengapa keadaan itu terjadi?
2	Selain daripada politik tidak stabil, apakah punca keruntuhan ketamadunan sesebuah negara?
3	Kejatuhan kerajaan adalah kerana <u>mutu kepimpinan</u> yang rendah Buktikan kebenaran pernyataan ini

(SPM U 2014)

CONTOH BANK JAWAPAN CIRI BURUK SECARA UMUM

1	Tidak mempunyai pemimpin berwibawa
2	Merosot ilmu pengetahuan
3	Tidak wujud keamanan dalam negara
4	Tidak wujud perpaduan antara kaum
5	Tidak mempunyai pentadbiran yang mantap
6	Merosot bidang ekonomi
7	Politik tidak stabil
8	Berlaku perebutan kuasa dalam negara

9	Berlaku rusuhan antara kaum
10	Kelemahan pasukan tentera
11	Ancaman daripada negara luar
12	Rakyat kurang semangat patriotisme

Huru-hara berlaku di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi kini.

Pada pendapat anda mengapakah huru-hara tersebut berlaku? [SPM K3 2014]

Contoh jawapan eseai holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH			
PEMIMPIN	pentadbiran	politik		
PERPADUAN	rusuhan	contoh	keamanan	
PEREBUTAN	ekonomi	pembangunan	kebijakan	

Sebab huru-hara tersebut berlaku ialah tidak mempunyai **pemimpin** berwibawa kesannya **pentadbiran** tidak mantap dengan itu keadaan **politik** tidak stabil.

Selain itu tidak wujud **perpaduan** antara kaum antara **kesannya** berlaku **rusuhan** antara kaum **contohnya** yang berlaku di negara Timur Tengah dengan itu **keamanan** negara tergugat.

Seterusnya berlaku **perebutan** kuasa antara pemimpin negara **kesannya ekonomi** negara merosot dengan itu **pembangunan** negara terjejas dan seterusnya **kebijikan** rakyat terabai.

Catatan: Dalam peraturan pemarkahan terdapat jawapan yang lebih spesifik berdasarkan tugasan soalan namun begitu calon boleh mencari jawapan yang lebih mudah asalkan munasabah.

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN CIRI BURUK LEBIH SPESIFIK

Mengapakah negara kita mudah diajah oleh penjajah Barat?

ATAU

Mengapakah perjuangan pembesar tempatan menentang British menemui kegagalan?

CIRI BURUK YANG ADA DALAM NEGARA

1	Kelemahan pemimpin tempatan
2	Rakyat tidak bersatu padu
3	Tidak mempunyai tentera yang kuat
4	Kekurangan ilmu peperangan
5	Tiada kerajaan yang kuat
6	Mudah ditipu oleh penjajah
7	Tidak mempunyai strategi berkesan
8	Tidak wujud perpaduan antara rakyat dengan pemimpin
10	Tidak mempunyai senjata moden

CATATAN: Fakta berkaitan **kelebihan yang ada pada penjajah** boleh dijadikan jawapan

Mengapakah perjuangan pembesar tempatan menentang British menemui kegagalan?

Contoh jawapan struktur analitikal

fakta	fakta	fakta	fakta	
ilmu	strategi	X bersatu	X senjata	

Sebab kegagalan ialah kekurangan **ilmu** peperangan dan tidak mempunyai **strategi** yang berkesan. Selain itu pemimpin dan rakyat **tidak bersatu** dan tidak mempunyai **senjata** moden.

Contoh jawapan struktur holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH		
ILMU	strategi	dikalahkan	contoh

Sebab kegagalan ialah kekurangan **ilmu** peperangan **kesannya** tidak mempunyai **strategi** yang berkesan **dengan itu** mudah **dikalahkan** oleh pihak musuh **contohnya** perjuangan pemimpin tempatan pada abad ke-19.

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN

Terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang tidak meyakini mutu barang buatan Malaysia.

Pada pendapat anda mengapakah keadaan itu berlaku?

Ciri buruk yang ada pada individu/ kelemahan barang tempatan

- 1 Barang tempatan dianggap **kurang kualiti**
- 2 Menganggap barang luar **sangat berkualiti**
- 3 Tidak mempunyai **semangat patriotik**
- 4 **Bangga** dengan barang buatan luar
- 5 Mempunyai **pandangan negetif** terhadap barang tempatan
- 6 **Teknologi** barang tempatan masih rendah
- 7 **Jenama** barang tempatan kurang popular
- 8 Kurang **promosi** barang tempatan

Contoh jawapan struktur holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH		
TEKNOLOGI	X berkualiti	contoh	pasaran

Keadaan itu berlaku kerana **teknologi** pembuatan barang tempatan masih rendah **kesannya** barang tempatan dianggap kurang **berkualiti contohnya** ketinggalan dari aspek reka bentuk **dengan itu** kurang mendapat **pasaran** yang baik.

Walau pun taraf hidup semakin meningkat, semakin ramai rakyat Malaysia pada hari ini menghidap pelbagai jenis penyakit.
Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

Ciri buruk /negatif yang ada pada individu / masyarakat

- 1 **Pencemaran** udara /air
- 2 Makanan mengandungi bahan **pengawet**/kimia/racun
- 3 **Makan secara** berlebihan
- 4 **Gaya hidup** tidak sihat
- 5 Kurang **bersenam**
- 6 Kehidupan yang mudah **stress**
- 7 Penagihan **dadah**
- 8 Amalan **merokok**
- 9 **Kepadatan** penduduk yang tinggi
- 10 Kemunculan **penyakit berjangkit**

Contoh jawapan eseai holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
GAYA HIDUP	makanan	contohnya	X bersenam	kecergasan	
PENCEMARAN	contoh	wabak	keselesaan		

Sebab keadaan tersebut berlaku ialah mengamalkan **gaya hidup** tidak sihat terutama dari aspek **pemakanan contohnya** makan secara berlebihan **dan** tidak melaksanakan aktiviti **bersenam kesannya** menjelaskan **kecergasan** badan.

Selain itu berlaku **pencemaran** udara akibat daripada pembuangan **sampah** merata-rata **kesannya** berlaku **wabak** penyakit berjangkit **dengan itu** menjelaskan **keselesaan** hidup.

A7 ASPEK NILAI BAIK + CIRI POSITIF (peringkat aplikasi)

- **Nilai-nilai yang baik dan ciri-ciri yang positif** yang ada pada **individu /tokoh / pemimpin / masyarakat / agama.**

NILAI BAIK	CIRI POSITIF
Tabah	Berkorban
Toleransi	Kreatif
X Berputus asa	Agama
Amanah	Strategi
Berani	Kebajikan
Semangat	Cekap
Kerjasama	Berpandangan
Keadilan	Kebajikan
Bijaksana	Keamanan

X mementingkan diri	Perpaduan
Rajin	Pemimpin
Bertanggungjawab	Akhlik
Setia	Berdisiplin
cinta	Berusaha
CATATAN: Pelajar mesti <u>bijak memilih</u> bank jawapan berdasarkan tugasan soalan	

CONTOH SOALAN

- | | |
|-----------|--|
| 1 | Mengapakah <u>semangat perjuangan</u> menentang British di kedua-dua negeri (Perak dan Pahang) <u>wajar dicontohi</u> generasi muda masa kini [SPM 2010] |
| 2 | Mengapakah <u>semangat perjuangan</u> pemimpin silam di negara kita <u>wajar dicontohi?</u> [SPM 2012] |
| 3 | Kebijaksanaan pemimpin negara kita telah berjaya menangani cabaran yang dihadapi semasa pembentukan Malaysia.
Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [SPM 2013] |
| 4 | Jelaskan <u>ciri-ciri kepimpinan</u> khalifah Islam pada zaman pemerintahan Khalifah al-Rasyidin yang <u>wajar dicontohi</u> oleh pemimpin masa kini. [SPM 2014] |
| 5 | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan <u>faktor kejayaan</u> pembentukan negara dan bangsa Malaysia [SPM U 2014] |
| 6 | Sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin Malaysia, bagaimanakah anda mengamalkan <u>ciri-ciri kepimpinan Islam</u> dalam pentadbiran anda. |
| 7 | Sebagai bakal pemimpin masa depan negara, bagaimanakah anda dapat <u>mencontohi ketokohan Nabi Muhammad SAW</u> untuk menjadi pemimpin yang berwibawa? |
| 8 | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah <u>sikap positif</u> yang mendorong kejayaan para peneroka dan penjelajah masyarakat Eropah? |
| 9 | Pada pandangan anda, apakah faktor yang membawa <u>kejayaan</u> kepada orang Melayu dalam perjuangan menentang Malayan Union?
(Sebahagian <u>nilai baik dan ciri positif</u> boleh dijadikan jawapan) |
| 10 | Pada pandangan anda, jelaskan <u>nilai-nilai Islam</u> yang boleh dicontohi untuk menjadi generasi masa depan yang berjaya. |

BANK JAWAPAN ASPEK NILAI BAIK + CIRI POSITIF

- | | |
|-----------|--|
| 1 | Tabah menghadapi cabaran |
| 2 | Mementingkan sifat toleransi |
| 3 | Mempunyai sifat keberanian |
| 4 | Tidak mudah berputus asa |
| 5 | Amanah melaksanakan tugas |
| 6 | Bijaksana melaksanakan tindakan |
| 7 | Berani menegakkan kebenaran |
| 8 | Mempunyai sifat rajin berusaha |
| 9 | Mempunyai semangat yang tinggi |
| 10 | Mementingkan semangat kerjasama dalam pasukan |

11	Mementingkan keadilan dalam masyarakat
12	Memiliki disiplin yang tinggi
13	Memiliki sifat bertanggungjawab
14	Mementingkan akhlak yang mulia
15	Menjaga kebajikan rakyat
16	Cekap mentadbir
17	Berpandangan jauh
18	Mementingkan keamanan dalam negara
19	Mempunyai strategi berkesan
20	Berfikir secara kreatif
21	Menjadi pemimpin berwibawa
22	Setia pada negara
	CATATAN: Murid mesti <u>bijak memilih</u> bank jawapan

Jelaskan nilai Islam yang boleh dicontohi untuk menjadi generasi masa depan yang berjaya.

Contoh jawapan struktur analitikal

FAKTA	FAKTA	FAKTA	FAKTA	FAKTA	
tabah	amanah	bijaksana	disiplin	berpandangan	

Nilai-nilainya ialah **tabah** dalam kehidupan **dan** mementingkan sifat **amanah** menjalankan tugas. **Selain itu bijaksana** melaksanakan tindakan **dan** memiliki **disiplin** yang tinggi **serta berpandangan** jauh.

Contoh jawapan struktur holistik

FAKTA	HURAIAN	HURAIAN	CONTOH	HURAIAN	
TABAH	cabaran	gejala	contoh	berguna	

Nilai-nilai Islam yang boleh dicontohi ialah **tabah** dalam kehidupan **kesannya** dapat menghadapi **cabaran** dalam dunia moden **dengan itu** tidak akan terlibat dengan gejala negetif **contohnya** penagihan dadah **dan seterusnya** menjadi manusia **berguna** untuk negara.

Contoh jawapan esei secara analitikal

Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah **tentera Islam berjaya mencapai kemenangan dalam peperangan** yang telah dilaluinya?

fakta	fakta	fakta	fakta	fakta	
Berkorban	keyakinan	kesungguhan	jihad	tabah	
pemimpin	strategi	teknik	keberanian		

Sebabnya ialah sanggup **berkorban** untuk agama **dan** mempunyai semangat **keyakinan** yang tinggi. **Selain itu** mempunyai semangat **kesungguhan** untuk berjaya **dan** mempunyai semangat **jihad** yang tinggi.

Seterusnya tentera Islam **tabah** menghadapi dugaan **dan** mempunyai **pemimpin** tentera yang berwibawa. **Di samping itu** mempunyai **strategi** yang berkesan **dan** mempunyai **tektik** perang yang canggih **serta** mempunyai semangat **keberanian** yang tinggi.

Contoh jawapan eseai secara holistik

Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah tentera Islam berjaya mencapai kemenangan dalam peperangan yang telah dilaluinya?

FAKTA	HURAIAN	HURAIAN	CONTOH		
AKIDAH	keyakinan	kesungguhan	Badar		
JIHAD	berkorban	rela			
PEMIMPIN	strategi	tektik	Khandak		

Sebab tentera Islam berjaya mencapai kemenangan dalam peperangan yang telah dilaluinya ialah mempunyai **akidah** yang kukuh **kesannya** mempunyai semangat **keyakinan** yang tinggi **dengan itu** memiliki sifat **kesungguhan** untuk berjaya **contohnya** seperti dalam peperangan Badar.

Selain itu mempunyai semangat **jihad** yang tinggi **kesannya** sanggup **berkorban** untuk agama **dengan itu rela** mati dalam perjuangan. **Seterusnya** mempunyai **pemimpin** berwibawa **kesannya** bijak mengatur **strategi dengan itu** mempunyai **tektik** perang yang canggih.

A8 ASPEK CADANGAN		(Aras menjana idea)
-	Jawapan memerlukan idea / cadangan / buah fikiran daripada murid.	
-	Jawapan berbeza berdasarkan tugasaran soalan.	
-	Soalan ini aras tertinggi dalam KBAT.	
-	Murid perlu berani dan membiasakan diri mengemukakan idea atau cadangan berdasarkan tugasaran soalan.	
-	Ibaratkan murid sebagai ahli panel untuk memberi pandangan / buah fikiran secara kreatif.	
-	murid juga digalakkan berfikir di luar kotak (jawapan di luar kebiasaan) untuk mengemukakan cadangan.	
-	Latihan amat diperlukan untuk mengemukakan cadangan/buah fikiran	
-	Kata tugas atau perkataan paling popular dalam soalan ini ialah " Bagaimanakah " , " cadangkan ", " usaha " dan " langkah "	

CONTOH SOALAN SPM 2012

1	Cadangkan tiga <u>langkah berkesan untuk memelihara sesbuah monumen</u>
	[3 markah]

2	Bagaimakah <u>bidang pertanian di negara kita dapat dimajukan?</u>	[6 markah]
3	Andaikan Malaysia menjadi sebuah <u>kuasa besar dunia dan anda adalah pemimpin Malaysia</u> pada masa tersebut. Jelaskan <u>usaha yang anda akan lakukan untuk memastikan keamanan dunia berkekalan</u>	[6 markah]

CONTOH SOALAN SPM 2013

1	Terangkan <u>ciri bandar moden yang anda idamkan</u>	[2 markah]
2	Cadangkan tiga <u>langkah yang berkesan untuk membasmi sifat jahiliah</u> dalam kalangan masyarakat moden pada hari ini	[3 markah]
3	Berikan tiga <u>cadangan anda untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan</u> dalam kalangan masyarakat masa kini	[3 markah]
4	Pada pendapat anda, apakah <u>usaha yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai kuasa maritim yang maju?</u>	[6 markah]
5	Sekiranya anda <u>sebagai pemimpin masyarakat tempatan</u> pada waktu itu, <u>bagaimakah anda mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan</u>	[6 markah]
6	<u>Sebagai pemimpin</u> , apakah <u>yang akan anda lakukan untuk mewujudkan sistem birokrasi yang berkesan</u> di negara kita	[6 markah]
7	Bagaimakah <u>sistem demokrasi di Malaysia dapat dikekalkan?</u>	[6 markah]
8	Pada pandangan anda, bagaimakah <u>negara komanwel dapat bergiat cergas setanding dengan pertubuhan dunia yang lain</u>	[6 markah]

CONTOH SOALAN SPM U 2013

1	Bagaimana <u>kegiatan perdagangan di negara kita boleh dimajukan</u> dan dipertingkatkan	[3 markah]
2	Wawasan 2020 merupakan gagasan negara untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Berikan <u>cadangan agar warqa Malaysia menikmati taraf hidup yang tinggi</u> menjelang tahun tersebut.	[6 markah]
3	Jelaskan <u>persiapan yang perlu dibuat oleh anda untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju.</u>	[6 markah]

CONTOH SOALAN SPM 2014

1	Jika <u>anda sebagai Ahli dalam Sistem tersebut</u> , jelaskan <u>tindakan untuk memanfaatkan peluang tersebut bagi mempertahankan hak dan maruah bangsa</u>	[6 markah]
2	Terdapat segelintir rakyat Malaysia, terutamanya <u>generasi muda masih tidak mendaftar sebagai pengundi</u> . Pada pendapat anda, <u>mengapakah keadaan tersebut berlaku?</u> (Aspek ciri buruk) Berikan <u>cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut (Aspek cadangan)</u>	[6 markah]

CONTOH SOALAN SPM U 2014

1	Jika <u>anda sebagai Ahli dalam Sistem tersebut</u> , jelaskan <u>tindakan untuk memanfaatkan peluang tersebut bagi mempertahankan hak dan maruah bangsa</u> [6 markah]
2	Terdapat segelintir rakyat Malaysia, terutamanya <u>generasi muda masih tidak mendaftar sebagai pengundi</u> . Pada pendapat anda, <u>mengapakah keadaan tersebut berlaku?</u> (Aspek ciri buruk) Berikan <u>cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut</u> (Aspek cadangan) [6 markah]

CONTOH SOALAN SPM 2015

1	Berikan cadangan anda <u>untuk meningkatkan peranan akhbar dalam memajukan masyarakat</u> [6 markah]
---	--

CONTOH SOALAN SPM 2017

1	Bagaimakah PBB harus <u>bertindak untuk menamatkan peperangan</u> tersebut [8 markah]
---	---

CONTOH SOALAN SPMU 2017

1	Berikan cadangan anda untuk <u>menghalang penaklukan daripada berlaku.</u> [4 markah]
---	---

CONTOH SOALAN SPMU 2018

1	Sekiranya anda berada pada zaman penjajahan tersebut, <u>cadangkan kepada British usaha-usaha</u> yang boleh dilakukan untuk <u>memajukan kegiatan ekonomi tradisional</u> masyarakat Melayu [4 markah]
	Anda sebagai pemimpin generasi muda. Rancangkan satu pelan pembangunan masa hadapan <u>untuk mengubah dan mengekalkan perpaduan rakyat.</u> Huraikan rancangan tersebut. [8 markah]

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN ASPEK CADANGAN

Cadangkan <u>strategi yang sewajarnya dilakukan oleh pemimpin tempatan dalam usaha menentang British di Tanah Melayu.</u>

DIGALAKKAN JUGA MEMBERI JAWAPAN DI LUAR KOTAK

1	Menggunakan senjata moden
2	Membuat persediaan yang rapi
3	Mengkaji kelemahan British

4	Mendapatkan bantuan dari pihak luar
5	Mengadakan rundingan dengan pihak British
6	Melakukan serangan hendap
7	Menguasai ilmu peperangan
8	Melakukan perang gerila
9	Menghantar surat bantahan di London
10	Menubuhkan Persatuan Pembesar untuk menentang British

Contoh soalan dan jawapan struktur holistik

FAKTA	HURAIAN	HURAIAN	CONTOH		
ILMU	mengkaji	tektik	hendap		

Strategi yang sewajarnya dilakukan ialah menguasai **ilmu peperangan dengan cara mengkaji** kelemahan musuh **dengan itu** mampu menggunakan **tektik** perang yang berkesan **contohnya** melakukan serangan **hendap**.

CATATAN: Murid diminta menulis jawapan secara analitikal sekiranya tiada kemampuan menjawab secara holistik

Sebagai pemimpin negara, jelaskan <u>usaha</u> untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini.	
1	Penubuhan universiti antarabangsa
2	Membina perpustakaan yang canggih
3	Penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran
4	Meningkatkan prasarana pendidikan
5	Menggalakan pelajar asing belajar di Malaysia
6	Menjalankan pendidikan jarak jauh
7	Memperbanyak sumber rujukan
8	Menaiktaraf penggunaan ICT dalam pendidikan
9	Mengadakan promosi pendidikan di luar negara
10	Mewujudkan kestabilan politik

Contoh jawapan eseai holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH		
UNIVERSITI	dikenali	tumpuan	contoh
PERPUSTAKAAN	buku	rujukan	
ICT	internet	pembelajaran	

Usaha untuk menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini ialah menubuhkan **universiti** bertaraf antarabangsa **kesannya** dikenali seluruh dunia **dengan itu** menjadi **tumpuan** pelajar antarabangsa **contoh** pelajar dari negara membangun.

Selain itu menubuhkan **perpustakaan** yang canggih **dengan cara** memperbanyakkan **buku** ilmiah **kesannya** menjadi sumber **rujukan** pelajar di pusat pengajian tinggi. **Seterusnya** menaiktaraf penggunaan **ICT** dalam pendidikan **terutama** penggunaan **internet kesannya** memudahkan **pembelajaran** jarak jauh/

Sebagai pemimpin negara, nyatakan usaha anda untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum di negara kita.

- 1 Mengadakan **kempen** perpaduan antara kaum
- 2 Mengadakan **gotong royong** melibatkan semua kaum
- 3 Mengadakan **rumah terbuka** melibatkan semua kaum
- 4 Mengadakan aktiviti **sukan** melibatkan semua kaum
- 5 Mendirikan **sekolah** untuk semua kaum
- 6 Memupuk semangat **cinta** negara
- 7 Mengadakan **kerjasama politik** antara kaum
- 8 Menubuhkan **parti politik** untuk semua kaum
- 9 Menggalakkan penggunaan **bahasa kebangsaan**
- 10 Tidak menyentuh perkara **sensitif** kaum lain
- 11 Memupuk sifat menghormati **budaya** kaum lain
- 12 Mengamalkan konsep **1Malaysia**

Contoh jawapan eseai holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH			
SENSITIF	X rusuhan	contoh	keamanan	
POLITIK	contoh	perpaduan	politik	
SUKAN	contoh	kerjasama	hormat	

Usaha saya untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum di negara kita ialah melarang menyentuh isu-isu **sensitif** kaum lain **kesannya** tidak akan berlaku **rusuhan** antara kaum **contohnya** seperti peristiwa 13 Mei **dengan itu** mengukuhkan **keamanan** negara.

Selain itu mengadakan **kerjasama politik** antara kaum **contohnya** Parti Barisan Nasional **kesannya** mengeratkan **perpaduan** antara kaum **dengan itu** mewujudkan kestabilan **politik** dalam negara.

Seterusnya menggalakkan aktiviti **sukan** melibatkan semua kaum **contoh** dalam permainan bola sepak **kesannya** mengeratkan **kerjasama** antara kaum **dengan itu** mengukuhkan sikap **hormat-menghormati** antara kaum.

Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pemimpin dunia pada masa kini untuk mengekalkan keamanan dunia.

- | | |
|---|--|
| 1 | Menghormati kedaulatan negara lain |
| 2 | Mengutamakan rundingan dalam menyelesaikan masalah |
| 3 | Mengelakkan daripada perlumbaan senjata |
| 4 | Mengukuhkan hubungan diplomatik dengan semua negara |
| 5 | Mengutamakan semangat setia kawan antara negara |
| 6 | Bersedia membantu negara miskin |
| 7 | Tidak menceroboh negara lain |
| 8 | Tidak campurtangan dalam hal-ehwal negara lain |

Contoh jawapan eseai holistik

FAKTA	HURAIAN / CONTOH		
RUNDINGAN	penyelesaian	perjanjian	penyelesaian
KEDAULATAN	keamanan	menceroboh	contoh
BEKERJASAMA	contoh	ekonomi	Taraf hidup

Langkah-langkah yang boleh diambil oleh pemimpin dunia pada masa kini untuk mengekalkan keamanan dunia ialah mengadakan **rundingan dengan cara** mewujudkan **perjanjian** perdamaian **hasilnya** dapat mencari **penyelesaian** secara damai.

Selain itu menghormati **kedaulatan** negara lain **dengan cara** memegang prinsip mementingkan **keamanan** oleh itu tidak akan **menceroboh** wilayah negara lain **contohnya** dasar luar yang diamalkan oleh negara Malaysia.

Seterusnya **be kerjasama** untuk kepentingan bersama **contohnya** kerjasama dalam bidang **perdagangan** antarabangsa **kesannya** meningkatkan **ekonomi** negara dan meningkatkan **taraf hidup** rakyat.

Andaikan anda salah seorang daripada **pemimpin nasionalis** di Asia Tenggara ketika itu, apakah tindakan yang akan anda lakukan bagi menangani penjajahan kuasa Barat?

- | | |
|----|---|
| 1 | Berunding dengan penjajah |
| 2 | Berdemonstrasi menentang penjajah |
| 3 | Menubuhkan parti politik untuk menentang penjajah |
| 4 | Mengangkat senjata melawan penjajah |
| 5 | Memulaukan kerajaan penjajah |
| 6 | Menulis surat bantahan kepada penjajah |
| 7 | Tidak bekerja sebagai kakitangan penjajah |
| 8 | Bekerjasama dengan negara lain menentang penjajah |
| 9 | Menghantar rombongan menuntut kemerdekaan |
| 10 | Mendesak penjajah menjaga kebajikan penduduk pribumi |

Cadangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan perasaan cinta akan negara dalam kalangan generasi muda hari ini.

- | | |
|----|---|
| 1 | Tidak mencemarkan imej negara |
| 2 | Melibatkan diri dalam pembangunan negara |
| 3 | Berakh�ak mulia |
| 4 | Mematuhi undang-undang negara |
| 5 | Setia pada negara |
| 6 | Menghormati raja dan negara |
| 7 | Merayakan bulan kemerdekaan |
| 8 | Membeli barang tempatan |
| 9 | Tidak terlibat dengan gejala negetif |
| 10 | Menghormati lambing-lambang negara |

CATATAN: Soalan di atas boleh juga dimasukkan di peringkat aplikasi iaitu dalam aspek **“buat perkara baik-baik”**

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang anda perlu lakukan untuk memelihara kedaulatan undang-undang negara?

- | | |
|---|--|
| 1 | Mematuhi undang-undang negara |
| 2 | Menjadi pemimpin berwibawa |
| 3 | Setia pada negara |
| 4 | Menjalankan kempen kesedaran pentingnya memelihara undang-undang negara |
| 5 | Tidak terlibat dengan gejala sosial |
| 6 | Tidak mencabar undang-undang negara |
| 7 | Memelihara keamanan dalam negara |
| 8 | Menjadi pengamal undang-undang berwibawa
-Contohnya hakim /peguam |

Pada pendapat anda, jelaskan langkah-langkah yang patut diambil untuk memulihara seni bina di negara kita

- | | |
|---|--|
| 1 | Mengadakan kempen mencintai warisan bangsa |
| 2 | Menjadikan tapak pelancongan |
| 3 | Tidak merobohkan bangunan bersejarah |
| 4 | Mengadakan pameran warisan negara |
| 5 | Mewartakan sebagai tapak warisan negara |
| 6 | Mengadakan pertandingan menulis eseи warisan negara |
| 7 | Menguatkuasakan undang-undang melindungi warisan negara |
| 8 | Peranan media massa menyedarkan orang ramai pentingnya warisan bangsa |
| 9 | Membaik-pulih seni bina warisan negara |

A9**ASPEK CABARAN DAN CADANGAN MENGATASI****(Aras analisis + menjana idea)**

- Mengandungi dua sub soalan :
- Isu/cabar'an/masalah/kekangan yang berlaku.
- Langkah-langkah mengatasi. (Aspek cadangan)
- Terdapat bank jawapan isu/cabar'an yang dihadapi negara secara umum .
Terdapat juga isu/cabar'an/masalah yang dihadapi negara jawapannya lebih spesifik
- Pelajar perlu bijak mencari isu atau cabaran yang dihadapi untuk tugasan soalan spesifik
- Seboleh-bolehnya tumpukan langkah-langkah mengatasi berdasarkan cabar'an di atas.
- Bentuk soalan ini, biasanya dikemukakan pada soalan kbat kertas 3.

BANK JAWAPAN CABARAN /ISU / MASALAH YANG DIHADAPI MALAYSIA SECARA UMUM

1	Masalah perpaduan antara kaum
2	Isu kemusnahan alam sekitar
3	Pencemaran alam sekitar
4	Penganguran dalam kalangan remaja
5	Pembanjiran pendatang asing
6	Keruntuhan akhlik golongan remaja
7	Masalah kemiskinan rakyat tempatan
8	Pertingkai'an sempadan dengan negara jiran
9	Keruntuhan institusi keluarga
10	Kenaikan harga barang
11	Kadar jenayah meningkat
12	Kekurangan tenaga mahir
13	Pengaruh negetif daripada media sosial
14	Politik perkauman
15	Penyalahgunaan dadah
16	Kejatuhan harga bahan mentah
17	Penyebaran berita palsu

CONTOH JAWAPAN UNTUK SOALAN DI ATAS

1	Cabar'an yang dihadapi untuk mengekalkan dan mempertahankan kegemilangan tamadun negara dan bangsa Malaysia dan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut	SPM U K3 2013
---	---	---------------

2	Cabaran menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.
3	Cabaran yang dihadapi Malaysia untuk mencapai wawasan 2020. Usaha untuk mengatasi cabaran tersebut.

Contoh soalan dan jawapan eseи holistik

Jelaskan cabaran dan halangan yang dihadapi Malaysia dalam membentuk sebuah negara Islam yang maju.

FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
GEJALA SOSIAL	contoh	akhlak	ketamadunan	imej	
PERPADUAN	contoh	politik	keamanan		

Cabaran dan halangan yang dihadapi Malaysia dalam membentuk sebuah negara Islam yang maju ialah **gejala sosial yang berleluasa dalam kalangan remaja **contohnya** pergaulan bebas dan penagihan dadah **kesannya** meruntuhkan **akhlak** masyarakat **dengan itu** menjaskan **ketamadunan** bangsa **dan** mencemar **imej** negara.**

Selain itu masalah **perpaduan** dalam negara **contohnya** perpaduan antara kaum Melayu, cina dan India **kesannya** boleh menjaskan **keamanan** dalam negara dan **politik** menjadi tidak stabil.

CONTOH SOALAN JAWAPANNYA LEBIH SPESIFIK

Contoh soalan dan jawapan eseи holistik

- (a) Jelaskan masalah yang timbul akibat kemasukan warga asing yang tidak terkawal
- (b) Jelaskan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut

MASALAH

FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
JENAYAH	contoh	ketenteraman	keamanan	imej	
PEKERJAAN	contoh	pengangguran	kemiskinan	taraf hidup	

CARA MENGATASI

FAKTA	HURAIAN / CONTOH				
X KEMASUKAN	mengetatkan	mengehadkan	contoh	peluang	
PENGHANTARAN	jiran	operasi	menakutkan		

Masalah yang timbul akibat kemasukan warga asing yang tidak terkawal ialah kejadian **jenayah** berleluasa **contohnya** rompakan bersenjata **kesannya** ketenteraman awam tergugat **dengan itu** keamanan negara terjejas **dan seterusnya imej** negara tercalar.

Selain itu menjasakan peluang **pekerjaan** kepada rakyat tempatan **contohnya** dalam sektor pembinaan **menyebabkan** kadar **pengangguran** dalam negara meningkat **lalu** meningkatkan **kemiskinan** rakyat tempatan **dan seterusnya taraf hidup** rakyat menurun.

Langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut ialah mengurangkan bilangan **kemasukan** warga asing dalam negara **dengan cara mengetarkan** syarat kemasukan tenaga kerja asing **iaitu mengehadkan** penyertaan warga asing dalam pasaran kerja **contohnya** hanya untuk pembantu rumah sahaja **kesannya** membuka banyak **peluang** pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Seterusnya melaksanakan program **penghantaran** pulang warga asing yang menetap secara haram **dengan cara** bekerjasama dengan negara **jiran dan** mengadakan **operasi** menangkap warga asing terlibat **kesannya menakutkan** warga asing datang secara haram.

CONTOH SOALAN BERSAMA BANK JAWAPAN

Cabarani dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan kerjasama serantau dan langkah-langkah mengatasi cabaran tersebut. (SPM K3 2013)

Cabarani

- 1 **Tekanan** daripada negara maju
- 2 Masalah pembanjiran **pekerja asing**
- 3 Pertingkaiian **sempadan** dengan negara jiran
- 4 **Pencerobohan** sempadan negara
- 5 Masalah **lanun** di perairan
- 6 Masalah **jerebu** masih berulang
- 7 Nilai **mata wang** yang rendah

Langkah mengatasi (aspek cadangan)

- 1 Meningkatkan kerjasama **ekonomi** dengan negara jiran
- 2 Bekerjasama mengatasi masalah kedatangan **pekerja tanpa izin**
- 3 Menyelesaikan **pertingkaiian sempadan** di meja rundingan
- 4 Mengadakan usaha sama menghapuskan **ancaman lanun**
- 5 Menguatkuasakan undang-undang **larangan pembakaran terbuka**
- 6 Memantapkan peranan **pertubuhan serantau**

Jelaskan cabaran yang dihadapi negara Islam ketika ini dan cara mengatasi cabaran tersebut

Cabarani

- 1 **Politik** dalam negara tidak stabil
- 2 Berlaku **huru hara** dalam negara

3	Perpaduan antara kaum tergugat
4	Taraf hidup rakyat masih rendah
5	Pasaran bahan mentah dikuasai oleh kuasa barat
6	Ekonomi negara merosot
7	Pertahanan negara yang lemah

Langkah mengatasi (aspek cadangan)

1	Mengukuhkan keamanan dalam negara
2	Menjalankan program mengukuhkan perpaduan antara kaum
3	Meningkatkan pendapatan rakyat
4	Mengukuhkan angkatan tentera
5	Melahirkan usahaawan berjaya
6	Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
7	Meningkatkan perdagangan dengan negara luar

Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia bagi **menjamin kelangsungan bekalan sumber makanan** yang mencukupi dan **langkah-langkah untuk mengatasi** cabaran tersebut.

Cabaran

1	Kekurangan tenaga buruh dalam bidang pertanian
2	Kurang minat golongan remaja dalam bidang pertanian
3	Masalah kualiti hasil pertanian yang rendah
4	Kurang menggunakan teknologi moden
5	Tumpuan lebih kepada tanaman bukan makanan
6	Hasil pengeluaran pertanian rendah
7	Upah dalam bidang pertanian rendah
8	Masalah pemasaran tanaman makanan

Langkah mengatasi (aspek cadangan)

1	Membuka ladang tanaman makanan
2	Mencari pasaran yang luas
3	Menggalakkan penggunaan teknologi moden
4	Menjalankan penyelidikan tanaman terlibat
5	Menjalin kerjasama dengan negara maju dalam bidang pertanian
6	Memberi bantuan modal peladang terlibat.
7	Menggunakan baja berkualiti
8	Menggunakan benih berkualiti
9	Memajukan sektor perkilangan mengeluarkan makanan

A10 ASPEK ISU SEMASA	(Biasanya aras analisis)
- Soalan yang dikemukakan berkaitan isu semasa .	
- Calon perlu menguasai pengetahuan semasa untuk menjawab soalan ini.	

CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN

1	Adakah imperialism masih berlaku pada abad ini? Berikan penjelasan anda.	[SPM 2014]
(Jawapan sekiranya pendirian “YA”)		
1	Terdapat negara ditindas oleh kuasa asing	
2	Berlaku pencerobohan terhadap negara lain	
3	Berlaku campurtangan terhadap kedaulatan negara lain	
4	Terdapat kuasa besar menakluki negara lain	
5	Ekonomi negara dikuasai oleh negara asing	
2	Adakah perluasan kuasa masih berlaku pada abad ke-21 ini? Berikan pendapat dan hujah anda.	[SPM 2015]
(Jawapan sekiranya pendirian “YA”)		
1	Perluasan kuasa masih dilakukan oleh kuasa-kuasa besar (contoh)	
2	Ingin menguasai hasil bumi negara dijajah	
3	Ingin membina empayar yang kuat	
4	Sesetengah negara tidak menghormati kedaulatan negara lain.	
5	Perluasan kuasa masih berlaku atas pertingkaiannya sempadan negara	
6	Campurtangan dalam urusan pentadbiran negara lain	
7	Sesetengah negara menceroboh negara lain	
3	Pertembungan tamadun masih berlaku hingga kini. Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut ? Berikan penjelasan anda	[SPMU 2018]
(Jawapan sekiranya pendirian “BERSETUJU”)		
1	Budaya negara lain mempengaruhi gaya hidup rakyat negara lain	
2	Berlaku melalui aktiviti perdagangan antarabangsa	
3	Berlaku melalui hubungan diplomatik antara negara	
4	Berlaku melalui penaklukan negara lain	
5	Berlaku melalui pengaruh teknologi maklumat	
6	Pertemuan golongan intelektual antara negara	
7	Berlaku pertukaran teknologi antara negara	
8	Berlaku penghijrahan penduduk di negara lain	
9	Perkongsian ilmu pengetahuan antara negara	